



Jun 11hb, 2020

Salam damai diucapkan kepada semua umat gereja Holy Family Kajang,

Dengan penangguhan Misa Kudus, saya berharap semua umat berada dalam keadaan yang baik, sihat dan selamat. Saya juga berharap untuk berjumpa lagi dengan para umat sebaik sahaja misa boleh dijalankan dengan selamat.

Paroki kita adalah teras misi dan kehidupan katolik kita. Pihak gereja memerlukan bantuan kewangan kerana penangguhan sementara misa ini telah menyebabkan jumlah pemberian sumbangan jatuh sebanyak 80%.

Oleh itu, saya ingin memohon sumbangan anda untuk gereja berdasarkan kemampuan masing-masing. Sumbangan boleh disalurkan melalui perbankan atas talian (e-banking), terus ke dalam **akaun bank gereja** atau melalui **Boost e-wallet** dengan mengimbas kod QR di bawah:

Nama Bank: AmBank

Nombor Akaun: 186-201-200340-4

Nama Pemegang Akaun: Church of the Holy Family

Rujukan Pembayaran: Defray

Maklumat tambahan: hfckajang@gmail.com



Sumbangan perlu dilakukan secara individu dan bukannya secara berkumpulan atau bagi pihak umat yang lain. Bagi sumbangan yang melebihi RM10,000, maklumat peribadi penderma akan diperlukan oleh pihak gereja. Sekiranya anda memerlukan resit, sila berhubung dengan pejabat gereja. Hasil sumbangan akan digunakan untuk menampung kos perbelanjaan gereja seperti bil utiliti, gaji staf dan kos penyelenggaraan gereja.

Saya faham bahawa kita berada dalam tempoh yang sukar dan sebahagian umat juga memerlukan bantuan. Oleh itu, pihak *Parish Integral Human Development* (PIHD) telah mewujudkan Dana Bantuan PKP untuk dihulurkan kepada mereka yang memerlukan. Pihak PIHD akan bekerjasama dengan penyelaras BEC untuk membantu umat serta komuniti pada masa yang susah ini. Bagi mereka yang ingin mendapatkan maklumat tambahan, sila berhubung dengan penyelaras BEC anda, BECCOT atau PIHD.

Saya sentiasa mengingati, mendoakan dan mengangkat anda dalam doa setiap kali saya merayakan Misa Kudus.

Yang melayani dengan sukacita,

Rev. Fr. Andrew Kooi

Paderi Paroki